

# Hab pendidikan tinggi terkemuka masa depan

Azman Mahmood

"**T**ERENGGANU mahu menjadi hab pendidikan tinggi dan menawarkan peluang pendidikan terbaik bukan saja kepada anak negeri ini tetapi juga kepada pelajar asing," kata Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Ahmad Razif Abd Rahman.

Kata-kata itu adalah keyakinan kerajaan negeri yang meletakkan agenda pendidikan sebagai fokus utama untuk melahirkan generasi anak Terengganu berilmu dan mampu mencorakkan kemajuan dan pembangunan negeri yang hebat pada masa depan.

Justeru, dalam usaha untuk meletakkan negeri itu sebagai negeri hab pendidikan tinggi yang terkemuka di Pantai Timur, kerajaan Terengganu mengambil beberapa langkah awal ke arah itu, sekali gus bagi mengantarabangsakan negeri itu dalam bidang berkenaan.

Ini terbukti apabila kerajaan negeri sejak tiga tahun lalu mengambil inisiatif mewujudkan Taman Ilmu (TI) di Tembila, Besut seluas 280 hektar yang dikhususkan untuk institusi pengajian tinggi (IPT) asing dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) membuka cawangan mereka di negeri ini, bersebelahan tapak kampus Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) yang juga sedang dalam

pembinaan.

Projek pembangunan TI itu yang bermula sejak tiga tahun lalu dengan kemudahan prasarana seperti asrama pelajar, masjid, kemudahan sukan, dewan konvokesyen yang sedang dalam pembinaan, membabitkan kos lebih RM400 juta, dijangka siap tahun depan.

Kerajaan negeri juga menyediakan kemudahan prasarana itu secara konsep guna sama yang boleh digunakan oleh mana-mana IPT yang membuka cawangan mereka di situ, tetapi mereka juga boleh membina sendiri kemudahan prasarana mengikut kehendak dan kesesuaian yang diperlukan.

Ahmad Razif berkata, sebenarnya kerajaan negeri meletakkan sasaran untuk menubuhkan lima hingga tujuh institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bertaraf universiti dalam tempoh sekurang-kurangnya lima tahun dari sekarang, selain mewujudkan beberapa lagi institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Katanya, usaha itu adalah sebahagian daripada strategi kerajaan negeri menjadikan Terengganu sebagai hab pendidikan tinggi terkemuka di Pantai Timur.

Ketika ini juga pada dasarnya dua IPT luar negara bertaraf universiti iaitu University Waikato New Zealand dan Royal College of Surgeons Ireland (RCSI), sudah menyatakan minat untuk membuka kampus

cawangan di Terengganu. "Kerajaan negeri dijangka mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dalam masa terdekat dengan dua universiti ini bagi merealisasikan penubuhan cawangannya di TI.

"Jika menjadi kenyataan, sudah pasti Terengganu berada dalam peta pendidikan dunia sebagai pusat

pengajian tinggi antarabangsa dalam bidang kejururawatan dan perubatan. Ini kerana seperti RCSI ia dirancang bukan saja mengambil pelajar dalam negeri mengikut pengajian dalam bidang perubatan, tetapi juga akan dibuka kepada pelajar asing.

Selain itu, katanya antara IPTS besar sudah beroperasi di negeri ini seperti UCSI University

di Bukit Kor, Marang yang menyediakan kursus dalam bidang Perubatan dan Perniagaan (Kejuteraan Minyak dan Gas) untuk program ijazah.

Kampus induk UCSI terletak di Cheras, Kuala Lumpur dan UCSI Marang adalah kampus kedua cawangan Terengganu yang mula beroperasi pada 2007

telah membuat pelaburan kira-kira RM110 juta yang lengkap dengan asrama pelajar.

Seperti IPTS lain di negeri ini, Kolej Teknologi Bestari (KTB) pula sudah beroperasi sejak 12 tahun lalu di Permaisuri, Setiu juga antara IPTS yang menye-

diakan peluang pendidikan lanjutan kepada anak Terengganu dalam bidang Sains Komputer, Hotel, Pelancongan, Pengurusan Perniagaan dengan kerjasama beberapa universiti awam tempatan. KTB yang ketika ini mempunyai 1,541 pelajar juga mengadakan pengajian peringkat Diploma Kejururawatan dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM).

Selain itu, KTB juga mengadakan pengajian peringkat ijazah bagi pengajian Pentadbiran Perniagaan kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM), Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Ijazah Sarjana Muda Multimedia dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM). Program baru Foundation in Management - persediaan pengajian peringkat ijazah untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga diadakan dengan kerjasama UUM.

Di peringkat sijil pula dengan kerjasama Jabatan Latihan Kemahiran (JLK) ialah dalam bidang pengajian sains komputer dan pengajian perniagaan

selama setahun.

Dalam usaha meletakkan Terengganu berada di depan dalam pembangunan pendidikan tinggi, kerajaan negeri juga merancang menubuhkan Pusat Pengajian Matrikulasi di Pulau Kerangga, Marang menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Untuk projek itu, kerajaan negeri sudah

pun menyediakan tanah dan peruntukan dijangka disalurkan oleh Kerajaan Pusat dengan anggaran awal perbelanjaan bagi pembinaan Pusat Matrikulasi itu sebanyak RM250 juta. Jika terlaksana penubuhan Pusat Pengajian Matrikulasi itu, ia akan memberi peluang lebih luas kepada anak Terengganu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikuti pengajian lanjutan sebelum memasuki universiti.

Ahmad Razif berkata, bagi IPT di bawah kerajaan negeri pula seperti Kolej Universiti Tati (TatiUC) di Kemaman yang menyediakan pelbagai kursus dalam bidang teknikal turut dirancang untuk dinaiktaraf sebagai universiti penuh menjelang tahun 2012 termasuk Kolej Tesdec juga dirancang dinaiktaraf sekurang-kurangnya kepada kolej universiti.

Katanya, komitmen

untuk menjadikan Terengganu hab pendidikan tinggi juga terserlah apabila kerajaan negeri menyediakan tanah seluas 400 hektar di Tembila, Besut untuk pembinaan kampus baru Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) yang juga bersebelahan TI.

Katanya, kampus UDM bagi Fakulti Pertanian dan Bio Teknologi itu kini sedang dalam pembinaan menerusi beberapa fasa

pembangunannya yang membabitkan bangunan asrama, bangunan pentadbiran, pusat pengajian dan kawasan penempatan untuk kakitangannya.

"Inilah antara usaha yang sedang dilaksanakan kerajaan negeri untuk merealisasikan Terengganu sebagai hab pendidikan tinggi dan pusat pendidikan antarabangsa yang termasuk dalam agenda Terengganu Anjung Ilmu," katanya.



GRADUAN TatiUC cemerlang di bidang teknikal.



UNIVERSITI Darul Iman Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu lahirkan graduan berwibawa.